



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 64

30hb Julai 2020

No. 16

---

No. 2822.

اینکمن فنتدیبرن اکام اسلام نکری (جوهر) 2003

دباوه سوبسیکشن 48 (6)

فتوى کهاروسن فتشگو亨 صلاة جمعة، صلاة برجامعه ليم (5) وقت دان اف  
جوا اكتیزیتی دسموا مسجد، سوراو دان مصلی دنکری جوهر دالم تیمفوہ  
فرینته کاولن فرکرقن (PKP)

قد منجالنکن کواس يع دبریکن اولیه سیکشن 47 اینکمن فنتدیبرن اکام إسلام  
(نکری جوهر) 2003 [اینکمن 16 تاهون 2003]، جاوتنکواس فتوی نکری  
جوهر، اتس فرینته دان فرکنن دولی يع مها مولیا سلطان، مپدیاکن فتوی يع  
دباتاکن دباوه او نتوق دسیار کن منوروت سوبسیکشن 48 (6) اینکمن ایت.

1. منجوجنحو غ تیته دولی يع مها مولیا سلطان ابراهیم ابن المرحوم سلطان  
اسکندر، سلطان يع دفترتوان باکی نکری دان حاجاھن تعلوق جوهر دار  
التعظیم سباکای کتوا اکام اسلام نکری سباکایمان فراونتوقن فصل (A) 57  
اوندغ ۲ توبوه کراجاءن نکری جوهر 1895 دان سیکشن 6 اینکمن  
فنتدیبرن اکام إسلام (نکری جوهر) 2003، مک اداله دعن این دفترکننکن  
سباکایمان برایکوت.

2. بردارن کن ارهن فرینته کاولن فرکرقن دالم منجکه فنولرن جعکیتن کووید-19 برمولا 18 مچ هیعک 12 می 2020 سباکایمان کفوتوسن مجلسیس کسلامتن نکارا مليسیا دان لافورن فیعکتن فنولرن کیس کووید-19 دملیسیا عامن دان دنکری جوهر خصوصن اولیه کمنترین کصیحتن مليسیا سرتا مروجوع کفڈ کپاتاعن مدیا ڤیهق کامی برتاریخ 14 افریل 2020، اداله دعن این دمعلومکن تاریخ فنگوونهن صلاة جمعة، صلاة برجماعه لیم وقتو، صلاة تراویح دان اف ۲ جوا اکتیویتی دسموا مسجد، سوراو سرتا مصلی دنکری جوهر دلنجوتکن سهیک وقتو عشاء هاري ثلات 19 رمضان 1441 هجریه برساماعن 12 می 2020 میلادیه اتاو میکوت اف ۲ کتتفن یغ دفوتوسکن اولیه کراجاعن مليسیا دری سماس کسماس.

کتتفن این اداله بردارن کفڈ حجه ۲ برایکوت :

i. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة ایات 195 :

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْثَّمَلَكَةِ ...

ارتیش : ... دان جاغنله کامو سعهاج منجمققکن دیری کامو کدام  
کبیناساعن ...

ii. حدیث نبی صلی الله عليه وسلم :  
عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّابِرِ، «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَصَّى أَنْ لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارًا» (سنن ابن ماجه)

ارتیش : بهاوا رسول الله صلی الله عليه وسلم موتوسکن سوڤای  
تیدق بولیه ملاکو کن کمضرتن ترهادٹ دیری سنديري دان کفڈ  
اور غ لاعین.

iii. این جوک برتفن دعن قاعده فقه سباکایمان برایکوت :

.a سُدُّ الذِّرَائِع

ارتیث : مپکت جالن يغ مباوا کفڈ کرو سقون.

.b تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعْيَةِ مَوْطِّبًا بِالْمَصْلَحةِ

ارتیث : کبیجقن فمیمیقین اتس رعیتن دلاکوکن بردارکن کفڈ  
فرتیمیبعن کمصلحتن.

.c كُلُّ مَا أَضَرَّ بِالْمُسْلِمِينَ وَجَبَ أَنْ يُنْفَى عَنْهُمْ

ارتیث : اف سهاج مضرتکن اورغ إسلام واجب دھیندرکن درفڈ  
مریک.

.d الضَّرُورَاتُ تُقْدَرُ بِقَدْرِهَا

ارتیث : کأدائن ضرورت دنتو کن منوروت قدرث.

.iv مرجوع کفڈ ڤنولرن کیس جعکیتن دان کماتین عقیبة کووید-19  
دمليسیا خصوصن دنکری جوهر يغ ماسیه برلاکو سباکایمان يغ  
دلافورکن اولیه کمنتین کصیحتن مليسیا سہیشک ملتقکن برااف  
کاوسن دان داعیره دنکری این سباکای زون میره.

3. لاعوغن اذان دان ڤلقسناناءن صلاة فرض لیم (5) وقتو دان صلاة تراویح  
دمسجد، سوراو دان مصلی سججارا برجماعه هندقله دلاکوکن اولیه تیک  
(3) اورغ ڦکاوای مسجد یاعیت امام، بلاں دان نوجا سهاج سلفس ملقمی  
سریعن ڦقرييقساناعن کصیحتن د ڦحابت کصیحتن داعيره. مانکالا اهلي قرية  
يغ لاعین هندقله منديریکن سججارا برجماعه درومه ماسیغ ۲.

4. باکی معھیدو ڦکن شعار بولن رمضان المبارک، مسجد دان سوراو دبنرکن  
او نتوق مغکوناکن ڦمبسر سوارا باکی مغومندغکن باچاءن ایات ۲ سوچی  
القرءان 10 مینیت سبلوم اذان وقتو مغرب دان او نتوق باچاءن القرءان دان  
ترحیم 15 مینیت سبلوم وقتو صبح.

5. باکي موهون ڤرليندوڠن درڻد الله سبحانه وتعالي دري سڪالا وابق دان بنجانا سرتا ٺنولرن کووید-19 سڪرا براخير، مك ڦنوت نازلة هندقله دٻاچ اوليه سموا رعيه نکري جوهر دار التعظيم خصوصن سموا امام ددام صلاه ليم وقتو دان صلاه وتر تراویح.
6. سقنجع ٽيمقوه يع دباتاڪن دؤس، سموا ڦرهيمڻونن اوڌنوق توجوان اكتيوبيي اڪام سفترتي ڪليه، چرامه دان ساو مقامان دسلوروه ڦريبيس مسجد، سوراو دان مصلى هندقله دٿڳو هڪن.
7. دمکينله جوک ارهن اين برقواتڪواس ترهادف سڪالا اكتيوبيي ڪمشارڪتن يع لازيمن دلساناڪن ددام ڪاوسن دان ڦريبيس مسجد، سوراو دان مصلى سفترتي ڪورسوس ۲، مجلس ڪراجين، ڦشوروسن جنازه، ماسق دان معاڪيهڪن بوبور لمبوق سرتا يع ساو مقامان.
8. جوسترو، سموا ڦيھق يع ترلييت دعن ڦشوروسن مسجد، سوراو دان مصلى سفترتي اهلي جاوتنڪواس مسجد دان ڦڪاواي مسجد نکري جوهر سجاري خصوص دان اومنت إسلام دنکري جوهر دار التعظيم سجاري عامن هندقله ماتوهي ارهن اين. ماريله ڪيت برستو هاتي مرافڪن دعا سموك وابق کووید-19 اين سڪرا براخير دان نکري ڪيت برavelie ڦرليندوڠن الله سبحانه وتعالي درڻد سڪالا وابق دان بنجانا.

برتاریخ 21 ربیع 1441 / 16 مچ 2020  
[ ] (15) PPUUNJ.R.600-1/5/8; JMJ.351/04/01/6/46]

دعن تيته ،

داتوء حاج ڀيي بن احمد ،  
مفتي نکري جوهر .

حاجه شوبانه بنت یوسف  
جورو توليڪ مجلس مشوارت ڪراجاءن جوهر .

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

## PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

FATWA KEHARUSAN PENANGGUHAN SOLAT JUMAAT, SOLAT BERJEMAAH LIMA (5) WAKTU DAN APA JUA AKTIVITI DI SEMUA MASJID, SURAU DAN MUSOLLA DI NEGERI JOHOR DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sebagai Ketua Agama Islam Negeri sebagaimana peruntukan Fasal 57(A) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1895 dan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, maka adalah dengan ini diperkenankan sebagaimana berikut.
2. Berdasarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan dalam mencegah penularan jangkitan COVID-19 bermula 18 Mac hingga 12 Mei 2020 sebagaimana keputusan Majlis Keselamatan Negara Malaysia dan laporan peningkatan penularan kes COVID-19 di Malaysia amnya dan di Negeri Johor khususnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta merujuk kepada kenyataan media pihak kami bertarikh 14 April 2020, adalah dengan ini dimaklumkan tarikh penangguhan solat Jumaat, solat berjemaah lima (5) waktu, solat terawih dan apa jua aktiviti di semua masjid, surau serta musolla di Negeri Johor dilanjutkan sehingga waktu Isya' hari Selasa 19 Ramadhan 1441 Hijriah bersamaan 12 Mei 2020 Miladiah atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa

Ketetapan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah berikut:

- i. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 195:

... وَلَا تُلْقِوْا بِأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ ...

Ertinya: ...Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan...

- ii. Hadis Nabi Salla Allahu Alaihi Wasallam:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّابِيْتِ، «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَضَى أَنْ لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارًا» (سنن ابن ماجه)

Ertinya: Bahawa Rasulullah Salla Allahu Alaihi Wasallam memutuskan supaya tidak boleh melakukan kemudarat terhadap diri sendiri dan kepada orang lain.

- iii. Ini juga bertepatan dengan kaedah fiqh sebagaimana berikut:

سَدُّ الذَّرَائِعَ

Ertinya: Menyekat jalan yang membawa kepada kerosakan.

**تَصْرِفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعْيَةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ**

Ertinya: Kebijakan pemimpin atas rakyatnya dilakukan berdasarkan kepada pertimbangan kemaslahatan.

**كُلُّ مَا أَضَرَّ بِالْمُسْلِمِينَ وَجَبَ أَنْ يُنْهَى عَنْهُمْ**

Ertinya: Apa sahaja yang memudaratkan orang Islam wajib dihindarkan daripada mereka.

**الضَّرُورَاتُ تُقْرَبُ بِقَدْرِهَا**

Ertinya: Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya.

- iv. Merujuk kepada penularan kes jangkitan dan kematian akibat COVID-19 di Malaysia khususnya di Negeri Johor yang masih berlaku sebagaimana yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga meletakkan beberapa kawasan dan daerah di negeri ini sebagai zon merah.
- 3. Laungan azan dan pelaksanaan solat fardhu lima (5) waktu dan solat terawih di masjid, surau dan musolla secara berjemaah hendaklah **dilakukan oleh tiga (3) orang pegawai masjid** iaitu imam, bilal dan noja sahaja selepas melepas saringan pemeriksaan kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah. Manakala ahli kariah yang lain hendaklah mendirikannya secara berjemaah di rumah masing-masing.
- 4. Bagi menghidupkan syiar bulan Ramadhan al Mubarak, masjid dan surau dibenarkan untuk menggunakan pembesar suara bagi mengumandangkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran 10 minit sebelum azan maghrib dan untuk bacaan al-Quran dan tarhim 15 minit sebelum waktu subuh.
- 5. Bagi memohon perlindungan daripada Allah Subhanu Wa Ta'ala dari segala wabak dan bencana serta penularan COVID-19 segera berakhir, **maka Qunut Nazilah hendaklah dibaca oleh semua rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim khususnya semua imam di dalam solat lima (5) waktu dan solat witir terawih.**
- 6. Sepanjang tempoh yang dinyatakan di atas, semua perhimpunan untuk tujuan aktiviti agama seperti kuliah, ceramah dan seumpamanya di seluruh premis masjid, surau dan musolla **hendaklah ditangguhkan**.
- 7. Demikianlah juga arahan ini berkuat kuasa terhadap **segala aktiviti kemasyarakatan** yang lazimnya dilaksanakan di dalam kawasan dan premis masjid, surau dan musolla seperti kursus-kursus, majlis keraian, pengurusan jenazah, memasak dan mengagihkan bubur lambuk serta yang seumpamanya.
- 8. Justeru, semua pihak yang terlibat dengan pengurusan masjid, surau dan musolla seperti ahli jawatankuasa masjid dan pegawai masjid Negeri Johor secara khusus dan umat Islam di Negeri Johor Darul Ta'zim secara amnya hendaklah mematuhi arahan ini. Marilah kita bersatu hati merafakkan doa semoga wabak COVID-19 ini segera berakhir dan negeri kita beroleh perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala daripada segala wabak dan bencana.

Bertarikh 21 Rejab 1441 / 16 Mac 2020

[JMJ.351/04/01/6/46; PPUUNJ.R.600-1/5/8(15)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD  
*Mufti Negeri Johor*

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor*

No. 2823.

## اینکمن فنتدیبرین اکام اسلام نکری (جوهر) 2003

## دباوه سوبیسیکشن 48 (6)

فتوى کهارو سن صلاة جمعة دان صلاة عيد الفطري دمسجد سلوروه جوهر  
او نتوف مغهيد و فکن شعار إسلام دالم تیمفوه فرینته کاولن فر کرفن برشرط  
کووید-19 (PKPB)

قد منجالنکن کواس يع دریکن اولیه سیکشن 47 اینکمن فنتدیبرین اکام اسلام  
(نکری جوهر) 2003 [اینکمن 16 تاهون 2003]، جاوتکواس فتوی نکری  
جوهر، اتس فرینته دان فر کنن دولی يع مها مولیا سلطان، مپدیاکن فتوی يع  
دپاتاکن دباوه او نتوف دسیار کن منوروت سوبیسیکشن 48 (6) اینکمن ایت.

1. منحونجوغ تیته دولی يع مها مولیا سلطان ابراهیم ابن المرحوم سلطان  
اسکندر، سلطان يع دفتروان باکی نکری دان جاجاھن تعلوٹ جوهر دار  
التعظیم سباکای کتوا اکام اسلام نکری سباکایمان فراونتوفن فصل (A) 57  
او ندغ ۲ توبوه کراجاعن نکری جوهر 1895 دان سیکشن 6 اینکمن  
فنتدیبرین اکام اسلام (نکری جوهر) 2003، مک اداله دعن این دفتر کننکن  
سباکایمان برایکوت.

2. دمي منحاک دان مغهيد و فکن شعار إسلام، صلاة جمعة دمسجد دان سوراو  
جمعه دالم نکری جوهر دار التعظیم دالم تیمفوه فرینته کاولن فر کرفن برشرط  
(PKPB) دبتر کن مولای 22 رمضان 1441 هجریه برساماعن 15 می  
2020 میلادیه. والوباکایمان ٿون، ڦلسنا ناعن اداله ترحد کفڈ دوا بلس  
(12) اور غ جماعه سهاج. مریاک تردیري درقد امام 1، امام 2، بلاں، نوجا  
دان لافن (8) اور غ جاوتکواس مسجد يع دکیلیر کن. مانکالا اهلي قريه  
هنڌله منو ناپکن صلاة فرض ظهر درومه ماسیغ 2 سباکای کنیي صلاة جمعه.

3. ڪفوتوسن اين اداله بردارسركن ڪقد حجه ۲ برايڪوت :

i. فرمان الله سبحانه وتعالي دالم سورة الحج ايات 32:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَّابَرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

ارتين : دمڪينله (احرن الله)، دان سسيافا يع مغحرمي شعار ۲ اكام الله،  
مک (دياله اورغ يع برتقوى) کران سسوڠکوهن ڦريوانن ايت ساتوکسن  
دری صفة ۲ تقوی هاتي اورغ موء مين.

ایات اين منجلسکن بهاوا شعار إسلام هندقله دتكفکن.

ii. اين جوگ بردارسركن قاعده فقه :

ما لا يدرك كله لا يترك كله

ارتين : اٺ ۲ ڦرينته شرع يع تيدق بوليه دلاڪو کن کسموان مک  
جاڻنه ڦولا دتيغڪلڪن کسموان.

b. لا ضرر ولا ضرار

ارتين : تيدق بوليه ملاڪو کن ڪمضرتن ترهادڻ ديري سنديري دان  
ڪقد اورغ لain.

iii. ڦلسناناعن صلاة جمعة اوليه دوا بلس (12) اورغ جماعه سهاج اداله

بردارسركن ڪقد حجه ۲ برايڪوت :

a. مغحد کن بيلغن جماعه اداله اوڌنوق مغلڪن مشقة (ڪسوڪرن) دان  
مضرة يع لبيه بسر یاعيت ڦولون وابق ڪوويءـ91 يع بوليه مباوا  
ڪقد ڪماتين.

b. قاعده منتثکن سکورغ-کورغۇ دوا بىلس (12) اورغ بىلەن جماعە

صلاتە جماعة اين ادالە مروقاكن ۋىندافت سبهاكىن علماء مذهب الشافعى  
يۇغ مېپۇتكىن بىهاوا صح جماعة اولىيە دوا بىلس (12) اورغ سهاج تىنقا ۋىلۇ  
داولۇيى دەن صلاتە ئەپەر.

c. قاعده اين هان ترفاكاي اوئنتوق ۋىلساناعن صلاتە جماعة سىماس دام  
تىمىقۇھە فەرىيەتە كاولىن فەركقىن بىرشرط (PKPB) سهاج دان تىدق بولىي  
دەفاكاي ۋە ۋەرمۇھونن مندىرييەنن صلاتە جماعة باكىي تەقتى ۲ يۇغ تىدق  
منجۇ كۆفيي بىلەن 40 اورغ جماعە.

4. ۋە ماس يۇغ سام، ۋىلساناعن صلاتە سەنە عيدالفطرىي دەرسىجە جوڭ دېنر كەن.  
والاوباكايمان ۋۇن، ۋىلساناعن جوڭ ادالە تەرەد كەند دوا بىلس (12) اورغ  
جماعە سهاج. مەرىك تەرىدىرىي درەند امام ۱، امام ۲، بلال، نوجا دان لافن  
(8) اورغ جاوتىكواس مسجد يۇغ دەتنىوكتۇن. مانكالا اھلى قەرىيە ھەندىلە  
منۇنایەنن صلاتە سەنە عيدالفطرىي درومە ماسىيغ ۲. ۋەندوان صلاتە سەنە  
عيدالفطرىي دان خەطبەن بولىيە دەرقىد لامن وىب جابىن اكام إسلام  
نەكىرى جوھەر . (<http://jainj.johor.gov.my>)

5. باكىي مۇھۇن ۋەلىنىدۇغۇن درەند الله سېحانە وتعالى درىي سكالا وابق دان  
بنچانا سرتا ۋەنۇلۇن كۈويىد-19 سكرا بىراخىر، مك ۋەنۇت نازىلە ھەندىلە دېچ  
اولىيە سموا رعىيە نەكىرى جوھەر دار التعظىم خصوصىن سموا امام دەلام صلاتە لىم  
(5) وقتو دان صلاتە وترتاروچ.

6. سەنچىغ تىمىقۇھە يۇغ دېباتاكن دأتىس، سموا ۋەھىمەقۇنن اوئنتوق توجوان اكتىۋىيەتى  
اکام سەترتى كلىيە، چرامە دان سأومقامان دسلۇرۇوھ ۋەرىميس مسجد، سورا و  
دان مصلى ھەندىلە دەتكەن.

7. دمکینله جوک ارهن این برقواتکواس ترهادف سکالا اکتیویتی کمشار کتن

يغ لازمين دلساناكن ددام کاوسن دان فرميس مسجد، سوراو دان مصلى سفترتي کورسوس<sup>2</sup>، مجلس کراعين، فعوروسن جنازه، ماسق دان معاكشهکن بوبور لمبوق سرتا يغ سأومقامان.

8. جوسترو، سموا فيحق يغ ترليبت دعن فعوروسن مسجد، سوراو دان مصلى سفترتي اهلي جاوتنکواس مسجد دان فکاواي مسجد نكري جوهر سجارا خصوص دان اومنت إسلام دنكري جوهر دار التعظيم سجارا عامن هندقله ماتوهي ارهن اين. مارييه کيت برساتو هاتي مرافقکن دعا سموک وابق کووید-19 اين سکرا برakhir دان نكري کيت براوليه ڤرليندوغن الله سبحانه وتعالي درقد سکالا وابق دان بنچانا.

برتاریخ 20 رمضان 1441 / 13 می 2020

[JMJ.351/04/01/6/46; PPUUNJ.R.600-1/5/8(16)]

دعن تيته ،

داتوء حاج يحيى بن احمد ،

مفتي نكري جوهر.

حاجه شوبانه بنت یوسف

جورو توليس مجلس مشوارت کراجاءن جوهر.

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

## PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

FATWA KEHARUSAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT AIDILFITRI DI MASJID SELURUH JOHOR UNTUK MENGHIDUPKAN SYIAR ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sebagai Ketua Agama Islam Negeri sebagaimana peruntukan Fasal 57(A) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1895 dan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, maka adalah dengan ini diperkenankan sebagaimana berikut.
2. Demi menjaga dan menghidupkan syiar Islam, **solat Jumaat di Masjid dan Surau Jumaat dalam Negeri Johor Darul Ta'zim dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dibenarkan** mulai 22 Ramadan 1441 Hijriah bersamaan 15 Mei 2020 Miladiah. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya adalah terhad kepada dua belas (12) orang jemaah sahaja. Mereka terdiri daripada Imam 1, Imam 2, Bilal, Noja dan lapan (8) orang Jawatankuasa Masjid yang digilirkan. Manakala Ahli Qariah hendaklah menuaikkan Solat Fardu Zuhur di rumah masing-masing sebagai ganti Solat Jumaat.
3. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah berikut:
  - i. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah al-Haj ayat 32:
 

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَّابَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

Ertinya: Demikianlah (ajaran Allah), dan sesiapa yang menghormati syiar-syarikat agama Allah, maka (ialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin.

Ayat ini menjelaskan bahawa syiar Islam hendaklah ditegakkan.
  - ii. Ini juga berdasarkan kaedah fiqh:
    - a. **ما لا يدرك كله لا يترك كله**  
Ertinya: Apa-apa perintah syarak yang tidak boleh dilakukan kesemuanya maka janganlah pula ditinggalkan kesemuanya.
    - b. **لا ضرر ولا ضرار**  
Ertinya: Tidak boleh melakukan kemudarat terhadap diri sendiri dan kepada orang lain.

- iii. Pelaksanaan solat Jumaat oleh dua belas (12) orang jemaah sahaja adalah berdasarkan kepada hujah berikut:
  - a. Menghadkan bilangan jemaah adalah untuk mengelakkan masyaqqaah (kesukaran) dan mudarat yang lebih besar iaitu penularan wabak COVID-19 yang boleh membawa kepada kematian.
  - b. Kaedah menetapkan sekurang-kurangnya dua belas (12) orang bilangan jemaah solat Jumaat ini adalah merupakan pendapat sebahagian ulama' mazhab as-Syafi'i yang menyebutkan bahawa sah Jumaat oleh dua belas (12) orang sahaja tanpa perlu diulangi dengan solat zohor.
  - c. Kaedah ini hanya terpakai untuk pelaksanaan solat Jumaat semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sahaja dan tidak boleh dipakai pada permohonan mendirikan solat Jumaat bagi tempat-tempat yang tidak mencukupi bilangan 40 orang Jemaah.
- 4. Pada masa yang sama, **pelaksanaan Solat Sunat Aidil Fitri di masjid juga dibenarkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya juga adalah terhad kepada dua belas (12) orang jemaah sahaja. Mereka terdiri daripada Imam 1, Imam 2, Bilal, Noja dan lapan (8) orang Jawatankuasa Masjid yang ditentukan. Manakala Ahli Qariah hendaklah menunaikan Solat Sunat Aidil Fitri di rumah masing-masing.** Panduan Solat Sunat Aidil Fitri dan Khutbahnya boleh diperolehi daripada Laman Web Jabatan Agama Islam Negeri Johor (<http://jainj.johor.gov.my>).
- 5. Bagi memohon perlindungan daripada Allah Subhanu Wa Ta'ala dari segala wabak dan bencana serta penularan COVID-19 segera berakhir, **maka Qunut Nazilah hendaklah dibaca oleh semua rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim khususnya semua imam di dalam solat lima (5) waktu dan solat witir terawih.**
- 6. Sepanjang tempoh yang dinyatakan di atas, semua perhimpunan untuk tujuan aktiviti agama seperti kuliah, ceramah dan seumpamanya di seluruh premis masjid, surau dan musolla **hendaklah ditangguhkan.**
- 7. Demikianlah juga arahan ini berkuat kuasa terhadap **segala aktiviti kemasyarakatan** yang lazimnya dilaksanakan di dalam kawasan dan premis masjid, surau dan musolla seperti kursus-kursus, majlis keraian, pengurusan jenazah, memasak dan mengagihkan bubur lambuk serta yang seumpamanya.
- 8. Justeru, semua pihak yang terlibat dengan pengurusan masjid, surau dan musolla seperti ahli jawatankuasa masjid dan pegawai masjid Negeri Johor secara khusus dan umat Islam di Negeri Johor Darul Ta'zim secara amnya hendaklah mematuhi arahan ini. Marilah kita bersatu hati merafakkan doa semoga wabak COVID-19 ini segera berakhir dan negeri kita beroleh perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala daripada segala wabak dan bencana.

Bertarikh 20 Ramadan 1441 / 13 Mei 2020  
 [JMJ.351/04/01/6/47; PPUUNJ.R.600-1/5/8(16)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD  
*Mufti Negeri Johor*

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

30hb Julai 2020]

2453

ENAKMEN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (PEMERBADANAN) 1953

STATE SECRETARY JOHORE (INCORPORATION) ENACTMENT 1953

No. 2824.

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 5A

APPOINTMENT UNDER SECTION 5A

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 5A Enakmen Setiausaha Kerajaan Johor (Pemerbadanan) 1953 [Enakmen No. 2/1953], Setiausaha Kerajaan Johor dengan ini melantik orang-orang yang dinamakan dalam Jadual untuk menyempurnakan mana-mana surat ikatan, dokumen dan suratcara-suratcara lain yang memerlukan meterai Pemerbadanan.

## JADUAL

Bil. (1)	Nama (2)	Tarikh kuat kuasa (3)
1.	Y.B. Dato' Dr. Haji Badrul Hisham bin Kassim	4 Mei 2020
2.	Encik Mohd. Fairul bin Surian	15 April 2020
3.	Encik Mohd. Farid bin Hassan	4 Februari 2020
4.	Encik Zulkifli bin Muhammad	4 Mei 2020
5.	Encik Ambok Nani bin Muhamad Nor	15 April 2020

Bertarikh 28 Jun 2020

[SUKJ. 100-1/14/3; PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(69)]

DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Johor*

In exercise of powers conferred by section 5A of the State Secretary Johore (Incorporation) Enactment 1953 [Enactment No. 2/1953], the State Secretary of Johore hereby appoints the persons named in the Schedule to execute any deeds, documents and other instruments requiring the seal of the Corporation.

## SCHEDULE

No. (1)	Name (2)	Effective date (3)
1.	Y.B. Dato' Dr. Haji Badrul Hisham bin Kassim	4 May 2020
2.	Encik Mohd. Fairul bin Surian	15 April 2020
3.	Encik Mohd. Farid bin Hassan	4 February 2020
4.	Encik Zulkifli bin Muhammad	4 May 2020
5.	Encik Ambok Nani bin Muhamad Nor	15 April 2020

Dated 28 June 2020

[SUKJ. 100-1/14/3; PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(69)]

DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI  
*State Secretary of Johore*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2454

[30hb Julai 2020]

## No. 2825.

### PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 5A

### REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER SECTION 5A

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 5A Enakmen Setiausaha Kerajaan Johor (Pemerbadanan) 1953 [*Enakmen No. 2/1953*], Setiausaha Kerajaan Johor dengan ini membatalkan pelantikan orang-orang yang dinamakan dalam Jadual untuk menyempurnakan mana-mana surat ikatan, dokumen dan suratcara-suratcara lain yang memerlukan meterai Pemerbadanan.

#### JADUAL

Bil. (1)	Nama (2)	Tarikh kuat kuasa (3)
1.	Tuan Haji Mohamad Yazid bin Baharudin	15 April 2020
2.	Encik Mohd. Mackeen bin Mohd. Shafiee	15 Disember 2019
3.	Encik Mohd. Radzi bin Mohd. Amin	4 Februari 2020
4.	Encik Mohd. Armiza bin Misnadi	15 April 2020
5.	Encik Mohd. Shahrizan bin Sahid	15 April 2020

Bertarikh 28 Jun 2020

[SUKJ. 100-1/14/3; PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(70)]

DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Johor*

In exercise of powers conferred by section 5A of the State Secretary Johore (Incorporation) Enactment 1953 [*Enactment No. 2/1953*], the State Secretary of Johore revoke the appointment of the persons named in the Schedule to execute any deeds, documents and other instruments requiring the seal of the Corporation.

#### SCEDULE

No. (1)	Name (2)	Effective date (3)
1.	Tuan Haji Mohamad Yazid bin Baharudin	15 April 2020
2.	Encik Mohd. Mackeen bin Mohd. Shafiee	15 December 2019
3.	Encik Mohd. Radzi bin Mohd. Amin	4 February 2020
4.	Encik Mohd. Armiza bin Misnadi	15 April 2020
5.	Encik Mohd. Shahrizan bin Sahid	15 April 2020

Dated 28 June 2020

[SUKJ. 100-1/14/3; PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(70)]

DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI  
*State Secretary of Johore*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

30hb Julai 2020]

2455

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 2826.**

[Perenggan 12(1)(b)]

PELANTIKAN

[Paragraph 12(1)(b)]

APPOINTMENT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruangan (2) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (3) mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (4).

### JADUAL

Bil. (1)	Nama (2)	Jawatan (3)	Tarikh Kuatkuasa (4)
1.	Puan Hajah Zihan binti Ismail	Timbalan Pengarah II Tanah dan Galian Johor	12 Mei 2020

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTG(PU) 006(01)(A) Jld. 1;  
PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(64)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965], the State Authority has appointed the person named in column (2) of the Schedule to hold the appointment specified in column (3) with effect from the date specified in column (4).

### SCHEDULE

No. (1)	Name (2)	Designation (3)	Effective Date (4)
1.	Puan Hajah Zihan binti Ismail	Deputy Director II Land And Mines Johore	12 May 2020

Dated 6 July 2020  
[PTG(PU) 006(01)(A) Jld. 1;  
PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(64)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Clerk of the State Executive Council  
Johore*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2456

[30hb Julai 2020]

## No. 2827.

### [Perenggan 12(1)(b)] PEMBATALAN PELANTIKAN

### [Paragraph 12(1)(b)] REVOCATION OF APPOINTMENT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Act 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (2) Jadual daripada memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (3) mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (4).

#### JADUAL

Bil. (1)	Nama (2)	Jawatan (3)	Tarikh Kuatkuasa (4)
1.	Encik Fizwan bin Dato' Haji Mohd. Rashidi	Timbalan Pengarah II Tanah Dan Galian Johor	12 Mei 2020

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTG(PU) 006(A) Jld. I;  
PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(65)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965], the State Authority has revoked the appointment of the person named in column (2) of the Schedule from holding the appointments specified in column (3) with effect from the date specified in column (4).

#### SCHEUDLE

No. (1)	Name (2)	Designation (3)	Effective Date (4)
1.	Encik Fizwan bin Dato' Haji Mohd. Rashidi	Deputy Director II Land And Mines Johore	12 May 2020

Dated 6 July 2020  
[PTG(PU) 006(A) Jld. I;  
PPUUNJ. 600-1/5/1 Jld. 2(65)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Clerk of the State Executive Council  
Johore*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

30hb Julai 2020]

2457

**No. 2828.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] dan diwakilkan kepadanya oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 13(1) [*Akta 56*], Pengarah Tanah dan Galian, Johor, dengan ini mengisyiharkan bahawa tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan tertera dalam Pelan Bil. P.A. 240128 di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor, dirizabkan bagi maksud awam, iaitu Tapak Stor/Bangunan yang diletakkan di bawah jagaan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan hendaklah diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Mersing dan pengganti-penggantinya dalam jawatan.

### JADUAL

Daerah—Mersing. Mukim—Mersing. No. Pelan Akui—P.A. 240128. No. Lot—26510. Luas—262 meter persegi. No. Fail—Tiada.

Bertarikh 9 Julai 2020

[PTG 05/03/02/1601/0006/2017/0485/2017;  
PTD(MG) 05/03/02/1601/0002/2011;  
PPUUNJ. 600-1/5/25 JLD. 2(91)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*] and delegated to him by the State Authority under subsection 13(1) [*Act 56*], the Director of Lands and Mines, Johore, hereby declares that parcel of land described in the Schedule and delineated in Revenue Survey Plan No. P.A. 240128 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Johore to be reserved for a public purpose and that is, a site for Store/Building Site to be under the charge of the State Secretary of Johore to be maintained by Mersing District Officer and its successor in office.

### SCHEQUE

District—Mersing. Township—Mersing. Certified Plan No.—P.A. 240128. Lot No.—26510. Area—262 square metres. File No.—Nil.

Dated 9 July 2020

[PTG 05/03/02/1601/0006/2017/0485/2017;  
PTD(MG) 05/03/02/1601/0002/2011;  
PPUUNJ. 600-1/5/25 JLD. 2(91)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Clerk of the State Executive Council  
Johore*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2458

[30hb Julai 2020]

No. 2829.

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui *Warta Kerajaan Negeri Johor Pemberitahuan No. 39* bertarikh 26 Januari 1927, petak tanah sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan atas Pelan No. P.A. 6469, yang disimpan di Pengarah Ukur, Johor telah dirizabkan bagi maksud awam, iaitu bagi Tapak Kuarters Pekerja yang diselenggarakan oleh Jurutera Daerah Segamat dan penganti-pengantinya dalam jawatan;

Dan bahawasanya adalah didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya perizaban yang tersebut dibatalkan keseluruhannya sepertimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Dan bahawasanya notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang tersebut itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Johor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965] dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* sebagaimana Pemberitahuan No. 3960 bertarikh 10 Oktober 2019;

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang tersebut itu sepertimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 64 Akta 56 dan yang diwakilkan kepadanya oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 13(1) Akta 56, Pengarah Tanah dan Galian, Johor membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

## JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Gemas. No. Pelan—P.A. 6469. No. Lot—2235.  
Luas—1 ekar 3 rood 27 pol.

Bertarikh 9 Julai 2020

[PTG 08/04/02/1604/0000/0000/0001/2019;

PTDS 08/00/02/1603/0002/2016;

PPUUNJ. 600-1/5/3 Jld. 2(24)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

Whereas, by Johore Government *Gazette* Notification No. 39, published on 26 January 1927, the parcel of land described in the Schedule and delineated in Plan No. P.A. 6469 which is deposited in the office of the Survey Office, Johor Bahru was reserved of a public purpose, to wit, a site for Coolie Lines to be maintained by the Executive Engineer, P.W.D. Segamat and his successors in office;

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

30hb Julai 2020]

2459

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid whole reservation be revoked as described in the Schedule;

And whereas notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Director of Lands and Mines, Johore to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code [Act 56 of 1965] and was also published in the Johore Government Gazette as Notification No. 3960 on 10 October 2019;

And whereas no objection to the proposal to revoke the aforesaid reservation of the said land as described in the Schedule was received;

Now therefore, in exercise of the powers conferred by the section 64 of the Act 56 and delegated to him by the State Authority under subsection 13(1) of the Act 56, the Director of Lands and Mines, Johore revokes the reservation of the land described in the Schedule.

### SCHEDULE

District—Segamat. Township—Gemas. Plan No.—P.A. 6469. Lot No.—2235.  
Area—1 acre 3 roods 27 poles.

Dated 9 July 2020  
[PTG 08/04/02/1604/0000/0000/0001/2019;  
PTDS 08/00/02/1603/0002/2016;  
PPUUNJ. 600-1/5/3 Jld. 2(24)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Clerk of the State Executive Council  
Johore*

### No. 2830.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahaha Goh Peck Hoon adalah pemilik yang beralamat (di No. 4, Jalan Keembong, Taman Perdana, 83000 Batu Pahat) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

### JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Machap. No. Lot—54. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 167. Luas—0.9662 hektar.

Bertarikh 22 Jun 2020  
[PTDK(SC) 19/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2460

[30hb Julai 2020]

### No. 2831.

(Seksyen 168)

#### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Mahawa binti Sulaiman adalah pemilik yang beralamat (di No. 42B, Felda Taib Andak, 81000 Kulai, Johor) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

#### JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. P.T.D.—4297. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5589. Luas—178.37 meter persegi.

Bertarikh 24 Jun 2020  
[PTDK(SC) 20/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

### No. 2832.

(Seksyen 168)

#### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Norulisma binti Meslan adalah pemilik yang beralamat (di SMJ 25/6, P.T.D. 5939, Jalan Johor, Kampung Sri Maju Jaya, 86100 Ayer Hitam, Johor) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

#### JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Machap. No. P.T.D.—5939. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3049. Luas—412.797 meter persegi.

Bertarikh 24 Jun 2020  
[PTDK(SC) 21/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

**No. 2833.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Mohd. Azman bin Aspan adalah pemilik yang beralamat (di No. 10, Jalan Mekar 13, Taman Mekar, 86100 Ayer Hitam, Johor) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

**JADUAL**

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. Lot—14461. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 161. Luas—0.5526 hektar.

Bertarikh 24 Jun 2020  
[PTDK(SC) 22/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

**No. 2834.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Abd. Rahman bin Haji Ahmad adalah pemilik yang beralamat (di No. 25, Jalan Padi Ria 10, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

**JADUAL**

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. Lot—6589. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 386. Luas—3.2602 hektar.

Bertarikh 24 Jun 2020  
[PTDK(SC) 23/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2462

[30hb Julai 2020]

### No. 2835.

(Seksyen 168)

#### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Chew Yan Xien adalah pemilik yang beralamat (di No. 25, Jalan Sin Tiam, Chamek, 86600 Paloh) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

#### JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Niyor. No. Lot—1972. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2110. Luas—3.5081 hektar.

Bertarikh 5 Julai 2020  
[PTDK(SC) 25/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

### No. 2836.

(Seksyen 168)

#### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Nge Ton @ Ng Ton adalah pemilik yang beralamat (di No. 3, Jalan Puteri, Kawasan Sekolah Chong Hwa, 86000 Kluang) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

#### JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. L.O.—796. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 644. Luas—4.0469 hektar.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDK(SC) 26/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kluang*

**No. 2837.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Masod bin Mohd. Amin adalah pemilik yang beralamat (di No. 87, Jalan Merpati, Felda Layang-Layang, 86200 Simpang Renggam) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

## JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Layang-Layang. No. Lot—10229. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 113. Luas—3.245 hektar.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDK(SC) 27/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kluang*

**No. 2838.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut

Bahawa Jasmin bin Mustar adalah pemilik yang beralamat (di No. 159, Jalan Parit Ismail, 82200 Benut) melaporkan bahawa hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang dalam simpanan.

## JADUAL

Daerah—Kluang. Mukim—Kahang. No. P.T.D.—3039. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1518. Luas—2.4281 hektar.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDK(SC) 28/2020]

MOHAMAD ALIFF ZAQUAN BIN MOHAMAD HISHAM  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kluang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2464

[30hb Julai 2020]

### No. 2839.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Mohd. Shahkri bin Jusoh, Norlizana binti Md. Tahir dan Asmah binti Agil yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Jabi. No. Lot—286. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 575. Luas—0.5564 hektar.

Bertarikh 22 Jun 2020  
[PTDS. 4/HM/H/31/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

### No. 2840.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Zarina binti Raof yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Jabi. No. Lot—3313. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 61. Luas—0.7999 hektar.

Bertarikh 24 Jun 2020  
[PTDS. 4/HM/H/32/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

30hb Julai 2020]

2465

### No. 2841.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Baba @ Awang bin Abdullah yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Buloh Kasap. No. P.T.D.—1437. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 800. Luas—61.1282 meter persegi.

Bertarikh 25 Jun 2020  
[PTDS. 4/HM/H/33/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Segamat*

### No. 2842.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Ong Boon Loong yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Pogoh. No. Lot—489. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 406. Luas—0.9358 hektar.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDS. 4/HM/H/34/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Segamat*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2466

[30hb Julai 2020]

### No. 2843.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Ong Boon Loong yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Sungai Segamat. No. M.L.O.—2751. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 701. Luas—143.066 meter persegi.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDS. 4/HM/H/35/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

### No. 2844.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada OTN Bakery (M) Sdn. Bhd. yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Sungai Segamat. No. M.L.O.—2754. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 704. Luas—142.137 meter persegi.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDS. 4/HM/H/36/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

30hb Julai 2020]

2467

### No. 2845.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Siti Aishah binti Salleh yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Sungai Segamat. No. Lot—28128. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3590. Luas—587 meter persegi.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDS. 4/HM/H/37/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

### No. 2846.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Soo Ho yang menyatakan bahawa hakmilik asalnya telah diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Buloh Kasap. No. Lot—6002. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 28. Luas—0.6211 hektar.

Bertarikh 6 Julai 2020  
[PTDS. 4/HM/H/38/2020]

MUHAMMAD KHAIRUL ANWAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Segamat*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

2468

[30hb Julai 2020]

### No. 2847.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Mohd. Fu'ad bin Sayadi yang beralamat di Kampung SBD 49/2, Kampung Sungai Buloh, Mukim 10, Senggarang, Johor dengan alasan hakmilik keluaran diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Kecil Rengit. Bandar/Pekan/Mukim—Kampung Bahru. No. Lot—1375.  
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3383. Luas—1.8261 hektar (4E. 2R. 02P.).

Bertarikh 28 Jun 2020

[PPTR 01/03/04/03/2020 (HM/Hilang)]

MOHD NAJIB BIN DON@ABDUL  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Kecil Rengit*

### No. 2848.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Paton binti Mohd. Raji yang beralamat di Kampung Parit Lapis, Sri Dalam Mukim 10, 83210 Senggarang, Johor dengan alasan hakmilik keluaran diakui hilang.

#### JADUAL

Daerah—Kecil Rengit. Bandar/Pekan/Mukim—Kampung Bahru. No. Lot—4461.  
Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3693. Luas—1.2646 hektar (3E. 0R. 20P.).

Bertarikh 28 Jun 2020

[PPTR 01/03/04/04/2020 (HM/Hilang)]

MOHD NAJIB BIN DON@ABDUL  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Kecil Rengit*

**No. 2849.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diterima daripada Mohd. Hafizan bin Hashim yang beralamat di Kampung Seri Rejo Sari, 83200 Senggarang, Johor dengan alasan hakmilik keluaran diakui hilang.

## JADUAL

Daerah—Kecil Rengit. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Punggor. No. Lot—2440. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2876. Luas—17654 hektar (4E. 1R. 18P.).

Bertarikh 6 Julai 2020

[PPTR 01/13/04/07/2020 (HM/Hilang)]

MOHD NAJIB BIN DON@ABDUL  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Kecil Rengit*

**No. 2850.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

